

# **LAMPIRAN R.1**

## **GARISPANDUAN KAWALAN PAPAN IKLAN (BILLBOARD) DAN MENARA PAPAN IKLAN SETIANG (UNIPOLE) DAN IKLAN DI PAGAR KESELAMATAN (HOARDING) DI KAWASAN MPPP**

### **1.0 Tujuan**

Tujuan garispanduan ini adalah untuk mengawal pemasangan papan iklan, menara papan iklan dan iklan di pagar keselamatan (hoarding) supaya menghasilkan suasana persekitaran yang menarik di kawasan MPPP.

#### **1.1 Definisi Papan Iklan**

Pada amnya papan iklan ('bill-board' atau 'advertisement board') bermakna papan/tanda iklan dalam pelbagai saiz, yang dipasang di atas sesuatu bingkai (frame), tiang (post/pole), papan (board) atau lain struktur sendiri yang terletak di atas tanah ('free-standing and attached to the ground') untuk maksud iklan perdagangan. Garispanduan ini dipakai juga untuk menara papan iklan (atau 'unipole' iaitu papan/tanda iklan yang dipasang di atas sebatang tiang (single post/pole) metrolites, iklan dinding/hoarding).

Kawasan yang diambilkira di dalam garispanduan ini adalah kawasan MPPP yang merangkumi kawasan "Jelutong Expressway, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), tanah-tanah PDC dan jejambat.

#### **1.2 Garis panduan ini tidak terpakai untuk:-**

- a) Tanda nama jalan dan petunjuk arah ("road name sign and directional sign") yang dipasang oleh MPPP dan tanda nama jalan dan petunjuk arah yang mempunyai penaja di bahagian bawah.
- b) "Roof top sign" kecuali iklan-iklan pada dinding yang tidak melibatkan tambahan struktur pada bangunan adalah tertakluk kepada garispanduan ini.
- c) Iklan Pilihanraya
- d) Pengendalian di bawah Undang-Undang Kecil 18(1) Undang-Undang Kecil Iklan MPPP 2000
- e) Billboard sementara untuk acara-acara yang dianjurkan oleh agensi/Jabatan Kerajaan di mana Lesen Permit

Sementara (TOL) telah diluluskan oleh Pentadbir Tanah Daerah untuk tempoh tiga (3) bulan sahaja.

Walaubagaimanapun, kebenaran untuk memasangkan “hoarding” beserta dengan pihak berkuasa jalan raya (JKR dan MPPP) yang tidak mengganggu pengguna jalan raya dan pejalan kaki. Iklan ini juga perlu menepati garispanduan bandar selamat yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pemasangan “public message” juga hendaklah mendapat kebenaran daripada MPPP.

- 1.3 Kawasan-kawasan untuk Menara Iklan Setiang (Unipole) dan Papan Iklan (Billboard)
- 1.3.1 Kawasan-kawasan terhad dengan lokasi terpilih yang dibenarkan untuk menara iklan setiang (Unipole) dan Papan Iklan (Billboard)

Tempat pembinaan untuk papan iklan dan menara papan iklan setiang hendaklah bersesuaian. Terdapat kawasan-kawasan yang boleh dibenarkan dengan kajian yang teliti dan mengikut merit setiap kes. Kawasan-kawasan yang dibenarkan dengan lokasi terpilih dan kajian terperinci untuk papan iklan dan menara papan iklan setiang adalah seperti berikut:-

- a) Tapak yang berhadapan atau di jalan-jalan protokol seperti berikut:-
  - (i) Jalan Scotland
  - (ii) Jalan Residensi
  - (iii) Jalan Utama
  - (iv) Lebuhraya Peel
  - (v) Lebuhraya Codrington
  - (vi) Persiaran Gurney
  - (vii) Jalan Sultan Ahmad Shah
  - (viii) Jalan Macalister (dari Jalan Utama ke Jalan Perak)
  - (ix) Jalan Cantonment
  - (x) Jalan York
  - (xi) Jalan Masjid Negeri
  - (xii) Jalan Sultan Azlan Shah
  - (xiii) Jalan Tun Dr Awang
  - (xiv) Jalan Bayan Lepas
  - (xv) Jalan Gottlieb
  - (xvi) Jalan Bagan Jermal
- b) Jalan-jalan di mana terletaknya bangunan-bangunan warisan di luar zon pemuliharaan

- (i) Jalan Burma – sekeliling Bangunan Hotel 1926, Burma Square (Chow Thyre Road/Service Road/Irrawadi Road)
- (ii) Jalan Macalister (dari simpang Jalan Anson ke Jalan Perak)
- (iii) Jalan Anson (dari simpang Jalan Burma ke Jalan Perak)
- (iv) Jalan Krian
- (v) Jalan Nagore
- (vi) Jalan Bawasah
- (vii) Lorong Hutton
- (viii) Jalan Brown
- (ix) Jalan Kelawai
- (x) Jalan Logan
- (xi) Jalan Gurdwara
- (xii) Jalan C.Y.Choy
- (xiii) Jalan Magazine
- (xiv) Jalan Pemenang
- (xv) Jalan Puah Hin Leong
- (xvi) Lorong Bangkok
- (xvii) Peel Avenue
- (xviii) Jalan Residensi
- (xix) Jalan Tuanku Abdul Rahman
- (xx) Jalan Air Terjun
- (xxi) Jalan Pangkor

Kawasan-kawasan (a) juga dibenarkan untuk tujuan iklan di tiang lampu dan pencahayaan.

Walaubagaimanapun, permohonan untuk perkara (b) perlu dirujuk juga kepada Unit Warisan MPPP.

#### **1.3.2 Kawasan-kawasan yang tidak dibenarkan untuk Menara Iklan Setiang (Unipole) dan Papan Iklan (Billboard)**

Kawasan/lokasi yang dinyatakan seperti di bawah ini adalah kawasan/lokasi yang tidak dibenarkan untuk tujuan perletakan menara iklan setiang (unipole) dan juga papan iklan (billboard)

- a) Kawasan dalaman Bandaraya Georgetown yang merupakan kawasan warisan yang disempadani oleh Jalan Penang dan Jalan Dr. Lim Chwee Leong termasuk zon teras dan zon penampang.
- b) Zon kawasan-kawasan perumahan tetap sediada ('established housing areas').
- c) Kawasan pemuliharaan, Pekan Balik Pulau, Pekan Air Itam dan Kampung Tradisi yang disebut serta kawasan-kawasan pemuliharaan yang akan dikenalpasti dalam

Draf Rancangan Struktur Negeri Draf Rancangan Tempatan.

- d) Perletakan papan iklan dan menara papan iklan setiang tidak dibenarkan di dalam bulatan jalan.
- e) Kawasan-kawasan keutamaan di sekitar rumah kediaman rasmi Tuan Yang Terutama dan Dewan Undangan Negeri.

1.4 Syarat-syarat Untuk Pertimbangan Perletakan Papan Iklan (Billboard) dan Menara Papan Iklan Setiang

Kedudukan/perletakan papan iklan dan menara papan iklan setiang yang dibenarkan/tidak dibenarkan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:-

- a) Kedudukan/perletakan papan iklan dan menara papan iklan setiang tidak melibatkan rezab parit dan koridor sungai, "sewer line" dan lain-lain saluran seperti saluran Tenaga Nasional, Telekom, Pihak Berkuasa Air dan sebagainya.
- b) Tidak menghalang laluan pejalan kaki.
- c) Tidak menghalang penglihatan lalulintas.
- d) Kedudukan/perletakan papan iklan dan menara papan iklan setiang tidak akan menjaskan persekitaran di sekelilingnya yang tidak akan melindungi sesuatu tempat yang indah atau pemandangan yang menarik, bangunan warisan atau bangunan yang mempunyai ciri-ciri senibina istimewa dan bangunan-bangunan awam seperti bomba, hospital, balai polis dan sekolah.
- e) Papan iklan dan menara papan iklan setiang yang baru adalah dilarang sama sekali melindungi atau menghalang pemandangan papan tanda/papan iklan dan menara papan iklan setiang lain yang sediada.
- f) Menara papan iklan setiang tidak dibenarkan di dalam kawasan warisan. Semua permohonan yang melibatkan bangunan-bangunan di zon baru teras dan penampaian Pekan Air Itam dan kawasan pemuliharaan Pekan Balik Pulau perlu dirujuk kepada Unit Warisan MPPP untuk persetujuan dan mematuhi syarat-syarat unit tersebut.
- g) Semua permohonan untuk mendirikan papan iklan dan menara papan iklan setiang di dalam dan "flight path" sepanjang "runway" dan kawasan Lapangan Terbang

Antarabangsa Bayan Lepas perlu dirujuk kepada Jabatan Penerbangan Awam (Department Of Civil Aviation) untuk persetujuan dan mematuhi syarat-syarat jabatan tersebut.


### **1.5 Saiz –Anjakan Untuk Papan Iklan/Menara Papan Iklan Setiang.**

**1.5.1** Saiz dan ukuran maksimum untuk papan iklan (termasuk “unipole”) adalah dibahagikan kepada 2 jenis berdasarkan kepada saiz seperti berikut:-

- a) Papan iklan dalam saiz maksimum : 10’x40’
- b) Papan iklan (unipole) dalam saiz maksimum : 20’x60’


**1.5.2** Anjakan papan iklan dan menara papan iklan setiang dari garisan ‘carriageway’ jalan dan bangunan-bangunan yang sediada adalah seperti berikut:-

- a) Tiang iklan atau sebarang bahagian dari struktur/papan iklan tidak dibenarkan menjejas atau menghalang pejalan kaki di tepi ‘carriageway’ jalan dan hendaklah sekurang-kurangnya 3 m (10’) dari ‘edge of carriageway’ kecuali bahagian papan iklan yang mengadakan sekurang-kurangnya 3 m (10’) “clear height” dari paras tanah. Oleh yang demikian, papan iklan hendaklah sekurang-kurangnya 1.5 m (5’) dari ‘edge of carriageway’.
- b) Jarak minima dari bangunan yang sediada hendaklah sekurang-kurangnya 6 meter atau sama panjang dengan ketinggian struktur/papan iklan (diukur dari paras tanah hingga bahagian iklan yang paling tinggi)(mana yang lebih besar).



- c) Anjakan minima papan iklan dan menara papan iklan atau sebarang bahagian iklan dari sesuatu persimpangan jalan hendaklah sekurang-kurangnya 15 m (50').

### 1.6 Bahasa, Grafik, Warna, Pencahayaan dan Rupabentuk



Rekabentuk, bahasa dan grafik yang dicadangkan untuk papan iklan dan menara papan iklan setiang hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan MPPP.

#### 1.6.1 Bahasa

- a) Penggunaan Bahasa Malaysia yang betul adalah wajib dan diutamakan serta menjadikan bahasa yang utama di dalam iklan sama ada digunakan secara persendirian atau bersama bahasa-bahasa lain.
- b) Isi kandungan di dalam papan/tanda iklan hendaklah sesuai dari segi moral, sosial dan sebagainya dan perlu diberikan semasa memohon kebenaran/lesen untuk papan iklan dan menara papan iklan setiang.

#### 1.6.2 Grafik

- a) Bilangan perkataan dan grafik yang digunakan hendaklah terhad, ringkas dan tepat supaya pemandu tidak mengambil masa yang lama untuk membaca papan tanda tersebut dan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil Iklan Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000.
- c) Segala warna boleh digunakan di dalam pengiklanan baik untuk permukaan atau di dalam pencahayaan. Walaubagaimanapun, penggunaan warna dan pencahayaan tidak akan menyebabkan kesilauan dan gangguan kepada orang ramai iaitu pejalan kaki, pemandu kenderaan dan penunggang motosikal.
- d) Sekiranya papan iklan dan menara papan iklan setiang hanya mempunyai satu permukaan beriklan maka di bahagian belakangnya tidak dipamerkan dengan iklan adalah tidak dibenarkan menghala ke jalan kecuali ia tidak menjelas dan memburukkan pemandangannya.

#### 1.6.3 Pencahayaan

- a) Papan iklan dan menara papan iklan setiang yang berlampa pula seharusnya tidak terlalu menyilaukan sehingga boleh mengganggu pengguna jalan raya.

- b) Pencahayaan hendaklah juga tidak menyebabkan penyilauan kepada penduduk setempat, pejalan kaki dan para pemandu atau penunggang kenderaan.
- c) Keperluan pencahayaan dan pemasangan papan iklan di jejambat hendaklah tidak melindungi keseluruhan jejambat.

## 1.7 Proses Permohonan Untuk Papan Iklan/Menara Papan Iklan Setiang

1.7.1 Semua permohonan untuk mendirikan papan iklan dan menara papan iklan setiang melibatkan 2 proses iaitu:-

- a) Permohonan untuk ‘building permit’ dari Jabatan Bangunan MPPP diberi di bawah peruntukan Seksyen 35, Akta Jalan, Parit dan Bangunan dan,
- b) Permohonan pelesenan dari Jabatan Pelesenan MPPP mengikut Undang-Undang Kecil Iklan MPPP 2000, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Jabatan-jabatan MPPP yang menerima permohonan tersebut akan memproses permohonan yang dikemukakan kepadanya serta memastikan syarat-syarat di dalam garispanduan ini dipatuhi.

1.7.2 Permohonan yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan :-

- a) Pelan tapak berskala yang menunjukkan dengan jelas kedudukan/perletakan papan iklan dan menara papan iklan setiang yang dicadangkan termasuk lot-lot tanah yang terlibat, anjakannya dari garisan “carriageway” jalan dan bangunan-bangunan sediada yang berhampiran, cadangan garisan bangunan, pelebaran jalan, rezab parit dan saluran-saluran yang terlibat atau yang berhampiran, pokok-pokok yang sediada dan cadangan landskap pokok dan bunga dan sebagainya.
- b) Gambar atau “artist’s impression’ untuk lokasi/pandangan papan iklan dan menara papan iklan setiang yang dicadangkan.
- c) Struktur yang diperlukan hendaklah direkabentuk oleh seorang Jurutera Bertauliah yang berdaftar

dan pelan struktur papan iklan dan menara papan iklan setiang hendaklah dikemukakan kepada MPPP oleh seorang Jurutera Bertauliah sebagai rekod permohonan dan pelan hendaklah ditandatangani oleh pemohon dan pemilik tanah atau pemilik.

- d) Kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri atau State Secretary Incorporated (SSI) hendaklah diperolehi dahulu sekiranya papan iklan dan menara papan iklan setiang dibina di atas tanah Kerajaan Negeri dan tanah kepunyaan MPPP, Kebenaran MPPP sebagai pemilik tanah/pemilik bangunan perlu diperolehi dahulu.
- e) Tapak cadangan pemasangan papan iklan yang dikemukakan kepada MPPP telah mendapat kelulusan daripada SSI dan permohonan lesen boleh diproses.
- f) Keteguhan serta keselamatan struktur papan iklan dan menara papan iklan setiang itu hendaklah disahkan oleh Jurutera Bertauliah Yang Berdaftar dan beliau, pemohon dan pemilik/tuan tanah adalah bertanggungjawab ke atas kekuatan dan keselamatan struktur /papan iklan dan menara papan iklan dan sebagainya di dalam apa juga keadaan sekalipun.
- g) Setelah siap dibina, Jurutera Bertauliah hendaklah membuat perakuan kepada Jabatan Pelesenan MPPP bahawa papan iklan dan menara papan iklan setiang yang didirikan telah disiapkan mengikut spesifikasi MPPP.

#### 1.8 Pemasangan, Penyelenggaraan, Pembaharuan dan Penurunan

- a) Permit untuk struktur papan iklan dan menara papan iklan setiang dan lesen iklan hendaklah diperbaharui setiap tahun. Bayaran iklan tahunan kepada MPPP adalah mengikut kadar di dalam Undang-Undang Kecil Papan Iklan yang sediada. Nombor permit dan tarikh luput perlu dipamerkan dengan jelas di sudut kanan bawah papan iklan.
- b) Permohonan pembaharuan permit struktur papan iklan dan menara papan iklan setiang hendaklah ditandatangani oleh pemilik tanah/pemilik bangunan yang akan bertanggungjawab bersama-sama juga dengan pemohon.

- c) Laporan pemeriksaan struktur oleh seorang Jurutera Bertauliah hendaklah dikemukakan setiap tahun sebelum pembaharuan permit diberi. Pihak MPPP boleh meminta pemeriksaan dilakukan terhadap struktur papan iklan dan menara papan iklan setiang bila-bila masa apabila dikhuatiri keselamatan papan iklan dan menara papan iklan setiang tersebut diragui.
- d) Pada sepanjang masa, pemegang permit struktur papan iklan dan menara papan iklan setiang atau pemilik tanah hendaklah kerap melakukan pemeriksaan serta penyelenggaraan ke atas struktur/papan iklan dan menara iklan setiang. MPPP tetap mempunyai hak untuk meminta diadakan pemeriksaan bersama pada bila-bila masa dan pembaikan, jika perlu.
- e) MPPP mempunyai hak untuk meminta penurunan mana-mana papan iklan dan setiang pada bila-bila masa difikirkan perlu tanpa memberi apa-apa sebab. Apabila dikehendaki, pemegang permit atau pemilik tanah hendaklah menurunkan papan iklan dan menara papan iklan setiang dalam tempoh empat belas (14) hari dari notis tersebut.
- f) Kelulusan hendaklah diperolehi dari Jabatan Kejuruteraan MPPP dahulu akan tarikh dan masa untuk pemasangan atau penurunan struktur papan iklan dan menara papan iklan.
- g) Gangguan trafik tidak dibenarkan semasa pemasangan dan penurunan struktur/unipole'/billboard'. Kawasan tapak hendaklah dibersihkan setelah diperolehi atau penurunan struktur tersebut siap. Satu permit hendaklah diperolehi dari pihak polis dan Jabatan Kejuruteraan MPPP dan /atau Jabatan Kerja Raya dahulu sebelum kerja pemasangan atau penurunan papan iklan dan menara papan iklan setiang dimulakan jika trafik akan diganggu.
- h) Pihak pemilik papan iklan dan menara papan iklan setiang hendaklah bertanggungjawab menyelenggara struktur/papan iklan dan menara papan iklan dan kawasan persekitaran supaya sentiasa dalam keadaan baik dan cantik.
- i) Papan tanda papan iklan dan menara papan iklan setiang termasuk perkataan/catnya hendaklah selalu di dalam keadaan kemas dan bersih.

- j) Kos pemasangan dan sambungan serta penggunaan bekalan elektrik hendaklah ditanggung oleh pihak pemilik.
- k) Tindakan penguatkuasaan akan diambil untuk menurunkan struktur papan iklan jika ianya dipasang tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa.

### 1.9 Insuran dan Cagaran

- a) Pemohon atau Pemilik/Tuan tanah perlu mengemukakan cagaran kewangan (wang deposit) sebagai gerenti utnuk digunakan apabila pengusaha gagal menurunkan struktur/papan tanda papan iklan dan menara papan iklan setiang apabila dikehendaki. Jumlah deposit kewangan atau “bank guarantee” adalah berdasarkan kepada saiz papan iklan yang dipohon seperti berikut:-
  - (i) Papan Iklan sehingga saiz maksimum 10’x40’ RM10/- setiap kaki persegi permukaan yang akan dipasangkan atau jumlah minima RM500/- untuk setiap papan iklan.
  - (ii) Papan iklan sehingga saiz maksimum 220’x60’ RM10/- setiap kaki persegi saiz permukaan yang akan dipasangkan atau jumlah minima dan M50,000/- untuk setiap menara papan iklan setiang.
- b) Sekiranya tanah yaag akan dipasang papan iklan itu melibatkan tanah kerajaan dan pemohon telah membayar wang cagaran , maka pemohon hanya perlu menunjukkan salinan resit cagaran semasa permohonan.
- c) Pemohon atau Pemilik/Tuan tanah perlu mengadakan “Public Lialility Insurance” untuk satu tuntutan dan bilangannya tidak terhad dengan had tuntutan seperti berikut:-
  - (i) Papan iklan sehingga saiz maksimum 10’x40’:- RM 250,000 bagi setiap papan iklan
  - (ii) Papan iklan sehingga saiz maksimum 20’x60’:- RM1.0 Juta setiap papan iklan
- d) Salinan polisi hendaklah dikemukakan kepada MPPP. “Public Lialility Insurance” tersebut hendaklah melindungi pihak Kerajaan iaitu MPPP dan lain-lain pihak berkuasa atau kedua-dua sekali dalam satu-satu polisi untuk sebarang kemalangan atau gantrugi dari pihak

ketiga. Pemegang permit papan iklan dan menara papan iklan setiang seterusnya hendaklah memberi perlindungan kepada MPPP atas segala kerja “temporary” yang diperlukan semasa pemasangan dan penurunan struktur terlibat. Tempoh polisi hendaklah berkuatkuasa dari masa pemasangan sehingga penurunan.

1.10 Cadangan Iklan Di Pagar Keselamatan (Hoarding) Bagi Bangunan-Bangunan Usang/Bahaya

- a) Pagar Keselamatan (Hoarding) Yang Dipasang Oleh MPPP Bagi Bangunan-bangunan Usang/Bahaya
  - (i) Pembinaan ‘hoarding’ diambilkira dengan menyediakan kaedah/ruang permukaan untuk menempatkan iklan.
  - (ii) Saiz/ruang iklan adalah bergantung kepada saiz ‘hoarding’ (ketinggian ‘standard’ bagi ‘hoarding’ adalah 10 kaki – satu tingkat, dan/atau 20 kaki – 2 tingkat). Sila rujuk Lampiran ‘III(a)’ dan ‘III(b)’.
  - (iii) Pemohon yang berminat perlu membuat permohonan lesen iklan kepada MPPP mengikut prosedur yang sewajarnya di samping mengemukakan pelan/lakaran cadangan. Aspek-aspek grafik, pencahayaan, tulisan dan sebagainya hendaklah mengikut Garispanduan MPPP.
  - (iv) Lesen yang diberi hendaklah dari setahun ke setahun.
  - (v) Pemohon adalah bertanggungjawab untuk memastikan iklan dan ‘hoarding’ berada dalam keadaan yang baik atau lesen tidak akan diperbaharui atau ditarikbalik dan MPPP boleh menurun iklan yang sedemikian.
  - (vi) Pemohon perlu mengemukakan cagaran kewangan (wang deposit) sebagai gerenti untuk digunakan apabila pengusaha gagal menurunkan tanda papan iklan. (Kadar dicadangkan seperti para 1.9(a)(i)).
  - (vii) Pemohon atau Pemilik/Tuan tanah perlu mngeadakan “Public Liability Insurance” untuk satu tuntutan. (Kadar dan kaedah dicadangkan seperti para 1.9(c)(i)). Salinan polisi hendaklah

dikemukakan kepada MPPP. "Public Liability Insurance" tersebut hendaklah melindungi pihak Kerajaan iaitu MPPP dan lain-lain pihak berkuasa atau kedua-dua sekali dalam satu-satu polisi untuk sebarang kemalangan atau gantirugi dari pihak ketiga.

- b) Pagar Keselematan (Hoarding) Yang Dipasang Sendiri Oleh Pemohon Dan/Atau Pemunya Bangunan Tanah
  - (i) Permit hendaklah diperolehi dari MPPP bagi pembinaan 'hoarding' mengikut prosedur yang sewajarnya, dengan mengambilkira penyediaan kaedah/ruang permukaan untuk menempatkan iklan.
  - (ii) Saiz/ruang iklan adalah bergantung kepada saiz 'hoarding' (ketinggian 'standard' bagi 'hoarding' adalah 10 kaki – satu tingkat, dan/atau 20 kaki – 2 tingkat). Sila rujuk Lampiran 'III(a)' dan 'III(b)'.
  - (iii) Pemohon yang berminat perlu membuat permohonan lesen iklan kepada MPPP mengikut prosedur yang sewajarnya di samping mengemukakan pelan/lakaran cadangan. Aspek-aspek grafik, pencahayaan, tulisan dan sebagainya hendaklah mengikut Garispanduan MPPP.
  - (iv) Lesen yang diberi hendaklah dari setahun ke setahun.
  - (v) Pemohon adalah bertanggungjawab untuk memastikan iklan dan 'hoarding' berada dalam keadaan yang baik atau lesen tidak akan diperbaharui atau ditarikbalik dan MPPP boleh menurun iklan yang sedemikian.
  - (vi) Pemohon perlu mengemukakan cagaran kewangan (wang deposit) sebagai gerenti untuk digunakan apabila pengusaha gagal menurunkan tanda papan iklan. (Kadar dicadangkan seperti para 1.9(a)(i)).

- (vii) Pemohon atau Pemilik/Tuan tanah perlu mengadakan “Public Liability Insurance” untuk satu tuntutan. (Kadar dicadangkan seperti para 1.9(c)(i)). Salinan polisi hendaklah dikemukakan kepada MPPP . “Public Liability Insurance” tersebut hendaklah melindungi pihak Kerajaan iaitu MPPP dan lain-lain pihak berkuasa atau kedua-dua sekali dalam satu-satu polisi untuk sebarang kemalangan atau gantirugi dari pihak ketiga.

## **2.0 Tarikh Perlaksanaan**

Tarikh perlaksanaan garispanduan ini ialah tarikh ianya dilulus oleh MBM pada 23.9.2005.